

MASALAH KESIHATAN MENTAL DALAM PERKHIDMATAN AWAM – SIRI 2

Disediakan oleh: Tn. Mazlan bin Yahya

[Artikel ini merupakan sambungan kepada Siri 1 yang diterbitkan dalam ILKAP E-News Letter (INSIGHT) Bil. 2/2019]

Punca tekanan yang dihadapi

Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan tekanan atau stres. Tiga (3) faktor terbesar adalah faktor persekitaran pekerjaan, diri (*personal*) dan kesihatan.

Faktor Persekitaran Pekerjaan

Pekerjaan merupakan salah satu faktor yang menyebabkan ramai pekhidmat awam mengalami gejala tertekan (*stressed*). Antara penyebab yang mengakibatkan tekanan di tempat kerja adalah kekaburuan dalam peranan yang timbul apabila peranan dalam kerja dari segi skop, tanggungjawab dan apa yang diharapkan daripada seseorang pekhidmat awam itu tidak jelas kerana kerja mempunyai struktur dan definisi yang lemah. Konflik dalam peranan turut muncul apabila terdapat tuntutan yang berbeza dalam pekerjaan. Ia juga terjadi apabila terdapat perbezaan antara tuntutan kerja dengan ciri-ciri peribadi dan kecekapan pekhidmat awam itu sendiri. Tekanan hidup juga muncul apabila pekhidmat awam tidak pasti apa yang diharapkan daripada kerja yang diberikan kepadanya.

Beban kerja yang dipikul oleh seseorang pekhidmat awam merupakan faktor yang menyumbang kepada tekanan kerja. Seseorang itu akan menghadapi tekanan hidup apabila dia mempunyai terlalu banyak kerja yang boleh dibahagikan kepada dua (2) kategori iaitu—

- kelebihan kerja secara kuantitatif, iaitu satu suasana apabila seseorang itu diberikan terlalu banyak kerja; atau
- tanggungjawab kerja yang perlu diselesaikan dalam waktu yang singkat.

Konflik antara tugas dengan keluarga juga merupakan salah satu faktor tekanan di persekitaran tempat kerja. Kesetiaan yang tidak berbelah bagi antara kehendak organisasi dengan kehendak sendiri boleh menimbulkan konflik antara tuntutan organisasi dengan keluarga. Tekanan ini akan menyebabkan seseorang menjadi kurang empati terhadap pegawai / kakitangan bawahannya atau sengaja mencari kesalahan orang lain dalam suasana kerjanya malahan, ahli keluarga sendiri juga berkemungkinan menjadi mangsa untuk melepaskan tekanan yang dihadapi dalam kerjaya.¹




Faktor Diri (*Personal*)

Masalah kesihatan mental boleh berlaku sekiranya terdapat masalah peribadi yang ditanggung oleh individu tersebut. Salah satu penyebab stres adalah hubungan yang tidak baik. Pertengkar dengan pasangan, anak atau ibu bapa boleh meningkatkan stres. Ini lebih dirasai sekiranya kesemua ahli keluarga hidup bersama. Selain itu, ketidakbolehan untuk berhubung atau ketidakupayaan memberitahu perasaan boleh menyebabkan masalah mental. Oleh itu, tekanan perlu dilepaskan secara positif dan ini adalah penting untuk mengelakkan daripada berlakunya atau berkembangnya masalah mental seseorang individu.

Salah satu penyebab tekanan yang melibatkan diri pekhidmat awam yang membawa kepada masalah mental adalah masalah kewangan. Hutang kad kredit, sewa rumah dan ketidakupayaan memberikan yang terbaik kepada keluarga boleh menyebabkan tekanan yang tinggi kepada seseorang pekhidmat awam. Ini kerana, masyarakat kita pada hari ini lazim menitikberatkan apa yang ada pada

¹ Halifah binti Abdul Hamid. Faktor-faktor yang mempengaruhi keinginan berhenti kerja di kalangan pekerja. faktor-faktor yang mempengaruhi keinginan berhenti kerja di kalangan pekerja sokongan di Jabatan tanah dan Survei, Sarawak. UNIMAS Institutional Repository. Universiti Malaysia Sarawak. <https://ir.unimas.my/id/eprint/3506/> 11 Oktober 2019.



MASALAH KESIHATAN MENTAL DALAM PERKHIDMATAN AWAM – SIRI 2

seseorang individu dan apa yang mampu diberikan oleh individu tersebut. Faktor kewangan ini merupakan faktor yang penting dan besar.

Isu sosial juga merupakan masalah yang boleh membawa kepada tekanan mental. Masalah ini boleh terbahagi kepada isu kepercayaan personal, agama dan politik. Masalah mental lebih mudah berlaku terutamanya jika pekhidmat awam tersebut tidak dapat mengeluarkan diri daripada situasi atau konflik sosial berkenaan.



Faktor Kesihatan

Masalah kesihatan, penuaan dan komplikasi akibat daripada penyakit yang dihadapi boleh meningkatkan stres seseorang individu termasuklah mereka yang rapat dengan atau turut menjaga individu tersebut. Kegagalan menangani tekanan juga boleh membawa kesan buruk ke atas kesihatan seseorang individu. Lazimnya, sistem imunisasi dapat mempertahankan tubuh daripada penyakit. Namun, masalah tekanan boleh melemahkan sistem imunisasi manusia. Jika ini berlaku, individu berkenaan akan lebih mudah mendapat penyakit berbahaya seperti kanser dan masalah jantung.

Masalah penyakit jantung merupakan penyebab kematian nombor satu di dunia. Sebahagian daripada simptom atau petanda penyakit jantung mempunyai kaitan dengan tekanan. Peningkatan tekanan darah yang mendadak dan debaran jantung berterusan adalah antara tanda-tandanya. Pekhidmat awam tidak terlepas daripada menghadapi masalah ini dan perlulah mencari kaedah bagi mengelakkan perkara ini daripada berlarutan sehingga mengakibatkan impak negatif bukan sahaja kepada kehidupan pekhidmat awam tersebut, tetapi juga kepada kerjayanya.





MENGIMBAU KEMBALI ALASAN PENGHAKIMAN DALAM KES “ROGOL BERKUMPULAN”

Disediakan oleh: Saiful Bahari bin Adzmi

Diolah oleh: Ainnan binti Mohd Rasid

Latar belakang

Kes melibatkan lapan (8) Orang Kena Tuduh ("OKT") dengan pertuduhan yang antara lainnya menyatakan bahawa kelapan-lapan OKT telah secara bersama-sama pada 3 Januari 2015, antara jam lebih kurang 8.00 hingga 11.30 malam bertempat di Sungai Petani, Kedah telah melakukan rogol berkumpulan terhadap seorang kanak-kanak perempuan Melayu. Kesemua OKT telah dituduh di bawah Seksyen 375b Kanun Keseksaan dan dibaca bersama Seksyen 34 Kanun yang sama yang memperuntukkan bahawa –

“Gang rape”

375b. *Whoever commits gang rape shall be punished with imprisonment for a term of not less than ten years and not more than thirty years.*

Explanation— Where a woman is raped by one or more in a group of persons acting in furtherance of their common intention, each of the persons shall be deemed to have committed gang rape within the meaning of this section.

Each of several persons liable for an act done by all, in like manner as if done by him alone

34. *When a criminal act is done by several persons, in furtherance of the common intention of all, each of such persons is liable for that act in the same manner as if the act were done by him alone.”*

Jika disabitkan dengan kesalahan ini, kesemua OKT hendaklah dihukum dengan hukuman pemerjayaan bagi suatu tempoh yang tidak kurang daripada 10 tahun dan tidak melebihi 30 tahun.

Kes Pendakwaan

Di akhir kes pendakwaan, tugas utama Mahkamah adalah untuk menilai setiap keterangan menurut undang-undang. Mahkamah perlu menilai secara maksimum setiap keterangan bagi menentukan jika pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes secara *prima facie* terhadap kesemua OKT.

Pihak pendakwaan telah memanggil 11 orang saksi untuk memberikan keterangan bagi membuktikan pertuduhan terhadap kelapan-lapan OKT. Dalam menilai keterangan saksi-saksi pendakwaan, Mahkamah hendaklah merujuk kepada perkara-perkara yang berikut:

- (a) setiap asas pertuduhan tersebut telah dibuktikan;
- (b) telah wujud kaitan (*nexus*) antara OKT dengan jenayah tersebut;
- (c) keterangan yang dikemukakan adalah benar dan dipercayai; dan
- (d) keterangan sokongan

Asas Pertuduhan

Mahkamah dalam kes berkenaan berpendapat bahawa asas pertuduhan yang perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan adalah seperti yang berikut:

- (a) OKT-OKT telah melakukan hubungan seks dengan mangsa;
- (b) Hubungan seks berlaku di bawah peruntukan Seksyen 375 Kanun Keseksaan;
- (c) Terdapatnya kemasukan;
- (d) OKT-OKT dan mangsa bukan suami isteri; dan
- (e) OKT-OKT dengan niat bersama melakukan rogol berkumpulan.



MENGIMBAU KEMBALI ALASAN PENGHAKIMAN DALAM KES “ROGOL BERKUMPULAN”

Keterangan Mangsa (SP6)

Menurut keterangan mangsa, pada hari kejadian jam lebih kurang 8 malam, kawan mangsa telah mengajak mangsa keluar makan di sebuah kedai makan bersama dua (2) orang OKT. Selepas makan, mangsa diajak balik tetapi pada masa tersebut, mangsa merasa pening dan kemudiannya tidak dapat mengingati apa-apa lagi. Setelah mangsa sedarkan diri, mangsa sudah berada di atas tilam di dalam sebuah bilik dengan tangan dan kaki mangsa pada masa tersebut telah dipegang oleh empat (4) orang OKT. Kemudian, mangsa telah dirogol oleh empat (4) lagi OKT yang lain.

Fakta bahawa OKT-OKT telah melakukan hubungan seks dengan mangsa dan terdapatnya kemasukan

Berdasarkan kepada keterangan mangsa, terdapat empat (4) orang OKT yang telah memasukkan kemaluannya ke dalam kemaluan mangsa. Mahkamah berpendapat bahawa keterangan mangsa berkenaan adalah memadai untuk membuktikan fakta bahawa berlakunya hubungan seks dengan adanya kemasukan.

Fakta bahawa hubungan seks yang berlaku adalah salah satu perihalan di bawah peruntukan Seksyen 375 Kanun Keseksaan

Umur mangsa telah disahkan melalui sijil kelahiran yang telah dikemukakan oleh pihak pendakwaan sebagai eksibit. Memandangkan mangsa merupakan seorang kanak-kanak, isu kerelaan adalah tidak berkaitan untuk diputuskan.

Fakta bahawa OKT-OKT dan pengadu bukan suami isteri

Tiada apa-apa persoalan bahawa mangsa dan OKT-OKT ialah suami isteri semasa kejadian. Isu ini juga tidak dipertikaikan. Oleh itu, Mahkamah berpendapat bahawa OKT-OKT dan mangsa bukanlah suami isteri.

Fakta bahawa OKT-OKT mempunyai niat bersama melakukan rogol berkumpulan

Berdasarkan peruntukan dalamuraian bagi Seksyen 375B Kanun Keseksaan, Mahkamah berpendapat bahawa perbuatan empat (4) orang OKT yang telah memegang tangan dan kaki mangsa untuk mengelakkan mangsa daripada melawan serta berada di tempat kejadian pada masa dan tarikh kejadian rogol menunjukkan keempat-empat OKT tersebut mempunyai niat bersama dengan empat (4) lagi OKT yang lain untuk melakukan rogol berkumpulan terhadap mangsa.

Wujud kaitan (*nexus*) antara OKT-OKT dengan jenayah tersebut

Mangsa dalam kes ini telah dapat mengecam secara positif kelapan-lapan OKT di Mahkamah. Sebelum kejadian juga, mangsa telah mengenali kesemua OKT melalui aplikasi *Wechat group* dan pernah berjumpa bersemuka (*in person*). Pengecaman melalui kawad cam juga telah diadakan oleh pihak polis. Dengan itu, Mahkamah berpendapat bahawa pengecaman yang dilakukan oleh mangsa adalah teratur dan memadai. Ia adalah selari dengan prinsip *Turnbull*.

Keterangan yang dikemukakan adalah betul dan dipercayai

Peguam bela mempertikaikan kredibiliti mangsa berkaitan dengan keterangan yang diberikan di Mahkamah, iaitu bagaimana seseorang yang tidak sedarkan diri boleh membongeng motosikal dan naik ke tempat kejadian di tingkat 2?

Mahkamah berpendapat bahawa ia adalah keterangan yang diberikan oleh mangsa dan keterangan tersebut tidak perlu diperjelas oleh pihak pendakwaan kerana ia adalah tidak berkaitan dalam pembuktian untuk kes ini.

Dipertikaikan juga bahawa laporan polis dibuat sebulan selepas kejadian rogol tersebut dikatakan berlaku. Alasan mangsa ialah beliau takut dengan ibunya dan amaran yang diberikan oleh salah seorang OKT yang merogolnya untuk tidak menceritakan kejadian yang berlaku kepada orang lain.



MENGIMBAU KEMBALI ALASAN PENGHAKIMAN DALAM KES “ROGOL BERKUMPULAN”

Mahkamah berpendapat bahawa alasan tersebut adalah munasabah dan setakat ini tidak ada sebab lain yang wujud dalam keterangan untuk menjelaskan kenapa mangsa perlu mengada-adakan kejadian rogol itu.

Dihujahkan juga oleh peguam bela bahawa terdapat keterangan yang berbeza atau bercanggah antara keterangan mangsa dengan kawan mangsa.

Mahkamah berpendapat bahawa percanggahan tersebut bukan pada perkara yang material yang boleh menggugat pertuduhan terhadap OKT-OKT.

Keterangan sokongan

Dalam kes yang melibatkan jenayah seksual, adalah menjadi “rule of practice and prudence” bahawa keterangan mangsa perlu disokong dengan keterangan “independent” yang lain. Ini dapat dilihat dalam kes **PP v Ku Hang Chua (1975) 2 MLJ 99**: “Keterangan mangsa disokong oleh dua (2) orang doktor yang bertugas di Bahagian Kecemasan dan Jabatan O&G Hospital Sultan Abdul Halim di Sungai Petani.”

Keterangan mangsa dalam kes ini telah disokong dengan keterangan kawan mangsa dan laporan polis yang dibuat oleh bapa mangsa. Mangsa juga ada memberitahu kejadian yang telah berlaku kepada jirannya dan ketiga-tiga mereka telah dipanggil sebagai saksi oleh pihak pendakwaan.

Kesimpulan di akhir kes pendakwaan

Mahkamah berpendapat bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes secara prima facie. Oleh itu, kelapan-lapan OKT dipanggil untuk membela diri. Mahkamah juga tidak mempunyai halangan untuk mensabitkan OKT-OKT dengan pertuduhan jika OKT-OKT memilih untuk berdiam diri.

Pembelaan OKT-OKT

Pihak pembelaan telah mengemukakan 19 orang saksi termasuk OKT-OKT dan telah memberikan keterangan. Pembelaan yang dikemukakan adalah pembelaan alibi. Secara prinsipnya, OKT-OKT menafikan berada di tempat kejadian dan berada di tempat lain. Mahkamah juga mendapati daripada keterangan OKT-OKT, mereka mengenali mangsa dalam kes ini tetapi mereka tidak mengetahui mengapa mangsa membuat laporan polis terhadap mereka.

Mahkamah ini telah membuat dapatan bahawa kesemua OKT telah dapat dicamkan secara positif oleh mangsa. Oleh yang demikian, pembelaan kesemua OKT-OKT telah gagal bersandarkan kepada kes **Duis Akim & Ors v Public Prosecutor (2014) 1 MLJ 49** yang mengandungi prinsip undang-undang bahawa pembelaan alibi akan gagal jika pengecaman positif telah dapat dilakukan terhadap OKT dan keterangan tersebut adalah daripada saksi yang boleh dipercayai (*credible witness*) dan tidak dibuktikan mempunyai motif yang tidak baik terhadap OKT.

Kesimpulan

Setelah meneliti semua keterangan di peringkat pendakwaan dan pembelaan, Mahkamah mendapati bahawa tidak ada keraguan yang munasabah pada kes pihak pendakwaan. Oleh yang demikian, setelah Mahkamah meneliti rayuan yang dikemukakan, kelapan-lapan OKT disabitkan atas pertuduhan dan dihukum penjara mengikut peruntukan Seksyen 375B Kanun Keseksaan

RAJA BERPERLEMBAGAAN

Disediakan oleh: Muhamad Yasser bin Mohd Nasri



Malaysia merupakan sebuah negara Demokrasi Berparlimen. Di bawah sistem ini, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong merupakan Ketua Utama Negara dan turut membawa gelaran Raja Berperlembagaan.



Sebagai Raja Berperlembagaan, segala kuasa dan fungsi Yang di-Pertuan Agong adalah tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan Persekutuan.

Di bawah Perkara 40 dan 42 Perlembagaan Persekutuan, antara lainnya memperuntukkan bahawa, Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa untuk—

1. melantik seorang Perdana Menteri;
2. tidak memperkenankan permintaan bagi pembubaran Parlimen;
3. meminta diadakan mesyuarat Majlis Raja-Raja yang semata-mata berkenaan dengan keistimewaan, kedudukan, kemuliaan dan kebesaran Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja, dan apa-apa tindakan pada mesyuarat itu; dan
4. memberi ampun, tunda hukum dan lega hukum berkenaan dengan segala kesalahan yang telah dibicarakan oleh mahkamah tentera dan segala kesalahan yang dilakukan di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya.



Perkara 40: Melantik seorang Perdana Menteri.



Perkara 41: Pemerintah Tertinggi angkatan tentera Persekutuan



Perkara 3: Berperanan sebagai Ketua Agama Islam.

Selain itu, Yang di-Pertuan Agong juga merupakan Pemerintah Tertinggi angkatan tentera Persekutuan dan Ketua Agama Islam.

PERKHIDMATAN LIBRARY2U@ILKAP

Disediakan oleh: Norhafida binti Darus



Perkhidmatan LIBRARY2U@ILKAP adalah perkhidmatan yang membawakan bahan koleksi terpilih Pusat Sumber Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) kepada warga ILKAP.

Bagaimakah ini dilakukan?

Koleksi Pusat Sumber ILKAP pada mulanya akan dipilih berdasarkan keperluan dan minat warga ILKAP yang kemudiannya akan dibawa oleh kakitangan Bahagian Maklumat ILKAP menggunakan troli kepada warga ILKAP di sekitar bangunan-bangunan ILKAP untuk dipinjam. Perkhidmatan LIBRARY2U@ILKAP ini dilaksanakan secara bergilir sebanyak sekali bagi setiap 3 bulan

Tujuan utama perkhidmatan ini diwujudkan adalah untuk memudahkan warga ILKAP dalam melakukan urusan pinjaman bahan koleksi Pusat Sumber ILKAP sekiranya mereka sibuk dengan urusan kerja dan tidak berkesempatan untuk ke Pusat Sumber ILKAP bagi mencari bahan bacaan. Dengan Perkhidmatan LIBRARY2U@ILKAP ini, pelanggan Pusat Sumber ILKAP tidak perlu lagi risau tentang masalah mencari bahan bacaan yang bersesuaian. Urusan pinjaman koleksi Pusat Sumber ILKAP juga menjadi lebih mudah dan menjimatkan masa.

Selain itu, tujuan Perkhidmatan LIBRARY2U@ILKAP ini juga adalah untuk menambah nilai kepada perkhidmatan peminjaman dan pemulangan bahan perpustakaan yang sedia ada. Sejak era teknologi yang berkembang pesat dan memungkinkan segalanya diperolehi di hujung jari, Pusat Sumber ILKAP juga tidak ketinggalan dengan memperkenalkan perkhidmatan yang seumpamanya. Hanya dengan memilih bahan bacaan yang bersesuaian di troli yang dibawa, pelanggan dapat memenuhi keinginan mereka untuk mendapatkan bahan perpustakaan dengan sangat mudah.

Diharapkan agar Perkhidmatan LIBRARY2U@ILKAP ini mampu menjadikan budaya membaca amalan kita. Pusat Sumber ILKAP sentiasa cuba menyediakan perkhidmatan yang terbaik kepada para pelanggannya. Namun segala usaha tersebut akan terkubur sekiranya pelanggan tidak menggunakan perkhidmatan tersebut. Harapan semoga usaha untuk menambah baik kualiti perkhidmatan Pusat Sumber ILKAP dapat dimanfaatkan oleh warga ILKAP keseluruhannya.

KECERDASAN BUATAN

Disediakan oleh: Mariana binti Nong

Diolah oleh: Ainnan binti Mohd Rasid



Istilah “*artificial intelligence*” (“AI”) atau kecerdasan buatan berdasarkan Pusat Rujukan Persuratan Melayu termasuklah—

(1) Satu cabang sains komputer yang membolehkan komputer mensimulasi aspek kecerdasan manusia seperti pengecaman suara, deduksi, inferensi, respons kreatif, kebolehan belajar daripada pengalaman dan kebolehan membuat inferensi apabila diberikan maklumat yang tidak lengkap;

(2) Subbidang Sains Komputer yang berkait rapat dengan pentaakulan simbolik dan penyelesaian masalah.


Kebanyakan pakar mengaitkan kecerdasan buatan dengan dua idea asas, iaitu kajian proses pemikiran manusia dan perwakilan kesemua proses tersebut melalui mesin seperti komputer dan robot; dan

(3) Kajian yang membolehkan mesin melakukan fungsi yang biasanya dikaitkan dengan kecerdasan manusia, seperti penaakulan dan pembelajaran.² Perlu diingati bahawa istilah kecerdasan buatan ini tidak terhad dan bergantung kepada entiti yang mentafsirkannya, seperti yang dinyatakan dalam sebuah Artikel Forbes “... we’re not all operating from the same definition of the term and while the foundation is generally the same, the focus of artificial intelligence shifts depending on the entity that provides the definition.”³

Aplikasi kecerdasan buatan yang digunakan dalam urusan kerja dan kehidupan seharian kita boleh dilihat dalam pelbagai keadaan seperti yang berikut:⁴

Gmail – Smart Reply

Salah satu fungsi Google yang mengaplikasikan penggunaan kecerdasan buatan adalah fungsi *Smart Reply* yang membolehkan Gmail memberikan cadangan dalam membalaik e-mel dengan gaya dan bahasa yang mirip seperti penggunanya.



² [#LIHATSINI](http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=artificial+intelligence&d=28648)


³ Marr, Bernard, *The Key Definitions Of Artificial Intelligence (AI) That Explain Its Importance* - <https://www.forbes.com/sites/bernardmarr/2018/02/14/the-key-definitions-of-artificial-intelligence-ai-that-explain-its-importance/#8a771664f5d8>

⁴ <https://www.idntimes.com/tech/trend/izza-namira-1/aplikasi-dengan-kecerdasan-buatan-terbaik/7>

KECERDASAN BUATAN


Google Translate

Aplikasi ini memudahkan pengguna membuat carian maksud setiap perkataan dalam pelbagai bahasa dengan pantas. Walaupun ada ketikanya maksud yang dipaparkan kurang tepat, ia masih dapat membantu pengguna dalam memahami maksud sesuatu perkataan yang diterjemahkan.



Google Maps

Program navigasi ini menggunakan algoritma untuk menyarankan laluan (*route*) yang paling mudah untuk menuju ke sesuatu destinasi. Kecerdasan buatan yang dimiliki oleh *Google Maps* menyimpan data yang sangat besar untuk menampung seluruh peta dan *route* yang ada di dunia. Kecanggihan teknologi ini sangat membantu individu yang tidak mahir dalam menggunakan peta secara manual.



Al-Quran Digital

Al-Quran digital merupakan pendigitalan kesemua ayat-ayat suci Al-Quran serta diproses menggunakan AI yang terdapat dalam peranti bagi mendapatkan *output*. AI yang terdapat dalam Al-Quran digital ini mampu untuk memperdengarkan bacaan daripada qari terkenal

seperti Sheikh Saad Al-Ghamidy, Sheikh Misyari Rashid, Sheikh Abdul Rahman As Sudais, Sheikh Abdul Al-Matrud dan ramai lagi. Al-Quran digital juga mampu untuk menterjemahkan setiap ayat Arab tersebut ke dalam pelbagai bahasa termasuklah Bahasa Melayu, Inggeris dan sebagainya. Dengan menggunakan Al-Quran digital ini juga, kita mampu mencari Surah atau ayat yang dikehendaki dalam masa beberapa saat sahaja dengan menggunakan “*search engine*” yang disediakan dalam peranti tersebut. Ayat-ayat suci Al-Quran tersebut juga dapat dikaitkan dengan pautan Hadith-hadith yang berkaitan.⁵



Kesimpulan

Antara kebaikan aplikasi kecerdasan buatan adalah ia memudahkan, mempercepatkan dan menjimatkan masa dan tenaga manusia dalam menjalankan urusan sehari-hari sama ada di pejabat maupun di rumah. Walau bagaimanapun, kecerdasan buatan sebenarnya boleh juga mendatangkan keburukan seandainya ia tidak digunakan dengan sebaiknya. Kemudahan di hujung jari ini boleh menjadikan manusia pada hari ini malas untuk berfikir terutamanya dalam mencari penyelesaian maupun menyelesaikan sesuatu tugas atau masalah, walaupun kadang kala masalah yang perlu diselesaikan tersebut adalah terlalu mudah. Oleh itu, wajarlah diingati bahawa apa sahaja teknologi yang diwujudkan oleh manusia di dunia ini jika digunakan dengan berhemah akan mendatangkan manfaat yang amat besar dan begitu juga sebaliknya.

⁵ Dr Nor Azaruddin Husni bin Hj. Nuruddin, “Kecerdasan Buatan” – <http://www.ikim.gov.my/new-wp/index.php/2015/01/08/kecerdasan-buatan/>

AKTIVITI ILKAP JANUARI - JUN 2020

JANUARI 2020

Pengenalan Pelan Antirasuah Organisasi (*Organisational Anti-Corruption Plan*)
pada 15 Januari 2020





INSIGHT

ILKAP E-NEWS LETTER

INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN, JABATAN PERDANA MENTERI

2020
JAN - JUN

AKTIVITI ILKAP JANUARI - JUN 2020

JANUARI 2020

Mesyuarat Agung Cawangan PUSPANITA JPM
pada 31 Januari 2020



AKTIVITI ILKAP JANUARI - JUN 2020

FEBRUARI 2020

Program Jom Sihat 2020
pada 3 Februari 2020





INSIGHT

ILKAP E-NEWS LETTER

INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN, JABATAN PERDANA MENTERI

2020
JAN - JUN

AKTIVITI ILKAP JANUARI - JUN 2020

FEBRUARI 2020

Mesyuarat Agung Tahunan PUSPANITA Cawangan Kecil ILKAP Tahun 2020 pada 7 Februari 2020





INSIGHT

ILKAP E-NEWS LETTER

INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN, JABATAN PERDANA MENTERI

2020
JAN - JUN

AKTIVITI ILKAP JANUARI - JUN 2020

FEBRUARI 2020

Kempen Jom Derma Darah Bulan Februari 2020
pada 12 Februari 2020





INSIGHT

ILKAP E-NEWS LETTER

INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN, JABATAN PERDANA MENTERI

2020
JAN - JUN

AKTIVITI ILKAP JANUARI - JUN 2020

FEBRUARI 2020

Majlis Amanat Tahun Baru 2020, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang) pada 13 Februari 2020





INSIGHT

ILKAP E-NEWS LETTER

INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN, JABATAN PERDANA MENTERI

2020
JAN - JUN

AKTIVITI ILKAP JANUARI - JUN 2020

FEBRUARI 2020

Majlis Perhimpunan Bulanan ILKAP Bil.1/2020
pada 21 Februari 2020





INSIGHT

ILKAP E-NEWS LETTER

INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN, JABATAN PERDANA MENTERI

2020
JAN - JUN

AKTIVITI ILKAP JANUARI - JUN 2020

FEBRUARI 2020


Program Bicara Inovasi ILKAP Bil.1/2020
pada 21 Februari 2020



LAPORAN KHAS BERKAITAN DENGAN PANDEMIK COVID-19



Seperti yang dimaklumi umum, Pertubuhan Kesihatan Sedunia atau *World Health Organisation* ("WHO") telah mengisyiharkan bahawa Covid-19 telah menular menjadi pandemik pada 11 Mac 2020.



Pada 16 Mac 2020, YAB Perdana Menteri Malaysia telah membuat pengisytiharan melalui televisyen untuk memaklumkan Perintah Kawalan Pergerakan ("PKP") yang mula berkuat kuasa pada 18 Mac 2020 sehingga 2 April 2020.

Sehubungan dengan itu, Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan ("ILKAP") telah menangguhkan pelbagai aktiviti termasuklah pelaksanaan semua program latihan di ILKAP. Ini bagi membolehkan ILKAP mengambil langkah menyahkuman di kesemua premis, kelengkapan dan kemudahan di ILKAP bagi memastikan kebersihan serta untuk membendung penularan wabak Covid-19 di ILKAP.

Seterusnya pada 21 Mac 2020, melalui Perisytiharan Stesen Kuarantin (No. 2) 2020 sebagaimana Warta Kerajaan P.U. (B) 179/2020 yang dibuat di bawah Seksyen 2 Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342], ILKAP telah diwartakan sebagai sebuah 'Stesen Kuarantin'.

Selain aktiviti-aktiviti ILKAP yang telah dirancangkan lebih awal seperti ILKAP Speaker Series 2020, sebanyak 21 kursus / bengkel / seminar telah terjejas sepanjang tempoh PKP sehingga tamat PKP Bersyarat ("PKPB"), iaitu dari 18 Mac 2020 sehingga 9 Jun 2020.

Susulan daripada itu, ILKAP akan menjadualkan semula 21 kursus / bengkel / seminar yang terjejas tersebut untuk dilaksanakan dalam tahun 2020 dengan mengambil kira pelbagai aspek termasuklah keupayaan fasiliti bilik kuliah ILKAP, kesediaan penceramah dan opsyen peserta sama ada untuk mengikuti kursus / bengkel / seminar di ILKAP secara kendiri atau secara atas talian (*online*).

Dalam tindakan menyambung semula kursus / bengkel / seminar anjuran ILKAP bagi baki Program Latihan ILKAP 2020, ILKAP akan memastikan penyesuaian dibuat selaras dengan *Standard Operating Procedure* ("SOP") Sektor Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia (SOP 14), SOP Sektor Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi (SOP 27), SOP-SOP MKN dan KKM.

[*Pelaporan Aktiviti ILKAP bagi bulan Januari hingga Jun 2020 adalah berdasarkan aktiviti sebenar yang dapat dilaksanakan kesan daripada pandemik Covid-19.*]





INSIGHT

ILKAP E-NEWS LETTER

INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN, JABATAN PERDANA MENTERI

2020
JAN - JUN

SIDANG REDAKSI

NAMA	UNIT/SEKSYEN PROGRAM/BAHAGIAN	TANGGUNGJAWAB
Puan Faradziah binti Kasah	Ketua Unit Unit Penyelidikan dan Inovasi	Ketua Projek
Puan Ainnan binti Mohd Rasid	Pegawai Undang-Undang Unit Penyelidikan dan Inovasi	Pemantauan Keseluruhan Projek & Editor / Penyunting Akhir
Tuan Saiful Bahari bin Adzmi	Pengarah Program Litigasi	Artikel pihak Program Litigasi (olahan Puan Ainnan binti Mohd Rasid)
Tuan Mazlan bin Yahya	Pengarah Program Pembangunan Kerjaya dan Pentadbiran	Artikel pihak Program PKP (sambungan siri lalu)
Tuan Muhamad Yasser bin Mohd Nasri	Ketua Penolong Pengarah Program Kehakiman	Artikel pihak Program Kehakiman
Puan Norhafida binti Darus	Pustakawan Bahagian Maklumat	Artikel / Maklumat Sumber berkaitan Perpustakaan
Puan Mariana binti Nong	Pegawai Teknologi Maklumat Seksyen Teknologi Maklumat	Artikel / Makluman / Berita IT (olahan Puan Ainnan binti Mohd Rasid)
Puan Ainnan binti Mohd Rasid	Pegawai Undang-Undang Unit Penyelidikan dan Inovasi	Membuat pemilihan gambar-gambar bagi aktiviti di ILKAP dari Januari-Jun 2020
Puan Salmi binti Abdur Rahman	Penolong Pegawai Undang-Undang Unit Penyelidikan dan Inovasi	Penyunting 1
Puan Noraini binti Saidin	Pengarah Bahagian Maklumat	Penyunting 2
Puan Noor Ezwanee binti Mohamad	Ketua Penolong Pengarah Program Perundangan	Penyunting Artikel daripada Bahagian Latihan
Encik Shahrul Firdaus bin Mohd Shahiri	Pereka (Unit Koleksi Bercetak) Bahagian Maklumat	Urusan Grafik (produk akhir)
Puan Nadia binti Fauzi	Ketua Penolong Pengarah	Laporan Khas berkaitan dengan Pandemik Covid-19
Puan Ainnan binti Mohd Rasid	Pegawai Undang-Undang Unit Penyelidikan dan Inovasi	